

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH  
Tajuk : UCAPAN MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA PROGRAM TAHUNAN ISTERI  
WAKIL-WAKIL RAKYAT SEMALAYSIA 2007  
Lokasi : SUNWAY LAGOON HOTEL, RESORT & SPA  
Tarikh : 04-08-2007

BISMILLAH HIRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

AMPUN TUANKU, BERIBU-RIBU AMPUN SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN.

MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH AL-HAJ IBNI  
ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA JAJAHAN TAKLUKNYA.

BAGI PIHAK SELURUH PESERTA PROGRAM TAHUNAN ISTERI WAKIL-WAKIL RAKYAT SE  
MALAYSIA 2007 YANG HADIR PADA MALAM INI, PATIK MENJUNJUNG KASIH DI ATAS PERKENAN  
DULI YANG MAHA MULIA TUANKU MENCEMAR DULI DAN BERANGKAT HADIR KE MAJLIS MAKAN  
MALAM PERDANA PADA MALAM YANG GEMILANG INI.

PATIK MOHON PERKENAN TUANKU UNTUK MENYAMPAIKAN SEPATAH DUA KATA KEPADA PARA  
HADIRIN.

AMPUN TUANKU.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI

PERDANA MENTERI MALAYSIA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI NAJIB TUN ABDUL RAZAK

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR TOYO

MENTERI BESAR SELANGOR

DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI ZAHRAH KECHIK

DIF-DIF KEHORMAT

SAUDARA SAUDARI YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN NYA DAPAT KITA SAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA BERSEMPENA DENGAN PROGRAM TAHUNAN ISTERI WAKIL-WAKIL RAKYAT SE MALAYSIA BAGI TAHUN 2007 INI.

2. BAGI MEWAKILI SEMUA PESERTA PROGRAM SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN SERTA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KHASNYA KEPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI KERANA TELAH SUDI HADIR KE MAJLIS PADA MALAM INI. UCAPAN PENGHARGAAN JUGA SAYA RAKAMKAN KEPADA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT PARA SUAMI YANG TELAH MELUANGKAN SEDIKIT WAKTU UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN ISTERI MASING-MASING PADA MAJLIS MAKAN MALAM INI.

3. SAYA YAKIN KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT SERTA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT PADA MALAM INI AMAT BESAR ERTINYA BUKAN SAHAJA KEPADA PIHAK PENGANJUR MAJLIS TETAPI LEBIH BESAR ERTINYA KEPADA PARA ISTERI YANG TELAH EMPAT HARI TIGA MALAM MENINGGALKAN KELUARGA UNTUK MENGHADIRI PROGRAM TAHUNAN INI.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN,

4. ALHAMDULILLAH PROGRAM TAHUNAN ISTERI WAKIL-WAKIL RAKYAT SE MALAYSIA KALI INI TELAH DAPAT DIJALANKAN DALAM SUASANA PENUH HARMONI DAN CERIA. SAYA PERCAYA BANYAK YANG TELAH KITA PELAJARI ANTARA SATU SAMA LAIN SEPANJANG BERSAMA-SAMA SELAMA EMPAT HARI INI. SAYA SENDIRI MERASA AMAT GEMBIRA KERANA TELAH DAPAT MENGENALI DENGAN LEBIH DEKAT SAUDARI SEMUA. KENANGAN MANIS INI TIDAK AKAN SAYA LUPAKAN.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN.

5. SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA BALKIS DAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG TELAH BERJAYA MENJADI TUAN RUMAH YANG BEGITU CEMERLANG.

6. SAYA JUGA MERASA BANGGA KERANA HASRAT MURNI KITA INI BUKAN SAHAJA TELAH DAPAT DITERIMA DENGAN BAIK MALAH DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK. OLEH ITU SEKALI LAGI TAHNIAH DAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN.

7. AKHIR KATA MARILAH KITA BERDOA AGAR DIPANJANGKAN UMUR DAN DIBERIKAN KESIHATAN YANG BAIK UNTUK MENYERTAI PROGRAM SEUMPAMA INI PADA TAHUN DEPAN DI NEGERI SARAWAK PULA. SEMOGA KITA AKAN DAPAT TERUS MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI ISTERI DAN IBU DENGAN BAIK DAN SEWAJARNYA.

8. AMPUN TUANKU DEMIKIANLAH SEMBAH UCAPAN PATIK. PATIK DAN SELURUH RAKYAT JELATA MENADAH TANGAN MEMOHON KEPADA ALLAH AGAR DULI YANG MAHA MULIA TUANKU DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA ANAKANDA-ANAKANDA TUANKU DAN KERABAT DIRAJA SEKELIAN SENTIASA BERADA DI DALAM LINDUNGANNYA JUA.

AMPUN TUANKU.